

## TAHAP PENGUASAAN ASAS TATABAHASA ARAB PELAJAR MENERUSI PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

*(Students' Basic Arabic Grammar Proficiency Levels Through Online Learning)*

Siti Nurul Aishah binti Abdul Hamid\*

Siti Aishah binti Ramli<sup>1</sup>

Nur Shafiekah binti Sapan<sup>2</sup>

\* Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [siti.aishah@ums.edu.my](mailto:siti.aishah@ums.edu.my)

**Abstrak:** *Situasi pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap sektor pendidikan negara. Kerajaan Malaysia bertindak berusaha mengekang penularan pandemik COVID-19 dengan mengarahkan kesemua institusi pengajian tinggi mengadakan aktiviti-aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) menggantikan mod secara bersemuka di bilik kuliah. Pelajar perlu menghadapi suasana pembelajaran yang lebih mencabar untuk memastikan proses PdP itu tetap berlaku. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar serta meneliti kesalahan-kesalahan tatabahasa yang dilakukan. Rekabentuk penyelidikan ini dijalankan dengan menggabungkan antara pendekatan kuantitatif yang menggunakan instrumen ujian bagi mendapatkan data dan pendekatan kualitatif yang menggunakan metode analisis. Sampel kajian melibatkan seramai 47 pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran Informatik (FKI) yang mendaftar dalam Kursus Bahasa Arab (KBA) bagi Tahap III di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL). Data diambil berdasarkan skor ujian dan analisis dokumen daripada hasil jawapan pelajar. Tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar diukur menggunakan instrumen set ujian tatabahasa Arab berdasarkan format Penilaian Komunikasi Bertulis (PKB) dan dianalisis secara analisis deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Manakala kesalahan-kesalahan tatabahasa Arab diteliti melalui dokumen jawapan pelajar. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar masih berada dalam tahap lemah dan memerlukan kepada penambahbaikan di masa hadapan.*

**Kata kunci:** *Tahap Penguasaan, Asas Tatabahasa Arab, Pelajar UMSKAL.*

**Abstract:** *The COVID-19 pandemic situation that is happening around the world has to some extent affected the country's education sector. The Malaysian government made an effort to curb the spread of the COVID-19 pandemic by instructing all institutions of higher learning to conduct Online Teaching and Learning (OTL) activities to replace the face-to-face mode in lecture rooms. Students have to face a more challenging learning environment to ensure that the OTL process continues. The objective of this study is to identify the students' proficiency level of basic Arabic grammar as well as examine the grammatical errors made. The design of this research is conducted by combining a quantitative approach that uses test instruments to obtain data and a qualitative approach that uses analytical methods. The study sample includes a total of 47 students from the Faculty of International Finance Labuan and the Faculty of Informatics Computer Science (FKI) who enrolled in the Arabic Language Course for Level III at Universiti Malaysia Sabah Labuan International Campus (UMSLIC). Data were taken based on test scores and document analysis from the students' answers. Students' level of basic Arabic grammar proficiency was measured using a set of Arabic grammar test instruments based on the Written Communication Assessment format and analyzed by descriptive analysis using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. Meanwhile, the Arabic grammatical errors were examined through student answer documents. The results of the study found that the proficiency level of basic Arabic grammar of students is still at a weak level and needs to be improved in the future.*

**Keywords:** *Proficiency Level, Basic Arabic Grammar, UMSLIC Students.*

2022 JGBSE

Article Received: 03 June 2022, Revised: 11 June 2022, Accepted 13 July 2022

## 1. Pengenalan

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) bukanlah sesuatu perkara asing ketika menghadapi situasi pandemik di negara ini. Kesemua pihak perlulah memainkan peranan bagi melancarkan proses pelaksanaan PdPDT berlaku sama ada dari pihak guru mahupun pelajar. PdPDT telahpun mula dilaksanakan secara aktif bermula dari tahun 2020 di kesemua peringkat universiti menggantikan mod bersemuka di bilik kuliah bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengelakkan penularan virus COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Mengambil maklum dengan keadaan tersebut, setiap pengajar perlu mempersiapkan dan memperlengkapi diri dengan kebolehan teknologi maklumat. Pelbagai perkara perlu dititikberatkan terutamanya dalam hal yang melibatkan dengan kaedah pengajaran serta saluran platform yang sesuai digunapakai agar maklumat ilmu itu mampu disampaikan kepada pelajar. Kemahiran asas menggunakan teknologi pada masa kini dianggap sebagai suatu perkara yang wajib ada dalam diri setiap guru agar mampu melancarkan proses pembelajaran. Guru-guru perlu sentiasa menyesuaikan diri mengikut keperluan semasa terutamanya dalam mendidik anak bangsa generasi kini yang lahir dalam perkembangan berteknologi tinggi. Aspek kemahiran yang perlu diterapkan dalam diri seorang guru termasuklah tahap pengetahuan, sikap dan minat seterusnya keberkesanan sendiri dalam penggunaan teknologi (Zainudin Abu Bakar & Nor Hisham Muhamad Nor, 2011).

Selain itu, pelbagai permasalahan lain perlu dititikberatkan terutama hal yang melibatkan pelajar. Antara masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar adalah masalah untuk mengakses capaian internet. Permasalahan ini wujud terutamanya pelajar yang tinggal di kawasan pendalaman dan kurang mendapat liputan internet. Perkara ini tidak boleh dianggap sebagai suatu masalah yang remeh. Ini kerana, internet merupakan satu alat penting dalam menjayakan PdPDT seterusnya membuktikan PdPDT itu berlaku (Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat, 2020). Begitu juga kepentingan memiliki gajet oleh setiap pelajar. Seseengah pelajar tidak mempunyai sebarang gajet atau telefon pintar peribadi kerana tidak mampu untuk membelinya. Kegagalan pelajar membekalkan internet dan gajet akan mengakibatkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran seterusnya memberikan kesukaran kepada guru untuk memastikan PdPDT dikendalikan dengan baik.

Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan oleh para guru untuk menjayakan proses PdPDT iaitu penyampaian secara asynchronous (pembelajaran tidak segerak) dan synchronous (pembelajaran segerak). Semua para pengajar diwajibkan menggunakan platform Smartv3UMS (sistem Moodle) sebagai platform rasmi e-pembelajaran di UMSKAL. Para pengajar perlu mencapai status lulus dengan melengkapkan bilangan kandungan dan aktiviti yang ditetapkan universiti. Arahan ini terpakai untuk semua kursus yang ditawarkan pada semester tersebut termasuklah kursus bahasa asing.

Penguasaan beberapa bahasa asing merupakan satu aset dan elemen penting terutamanya dalam dunia pekerjaan pada masa kini. Selain berupaya berkomunikasi dalam bahasa itu, individu berkenaan juga dapat mempelajari dan memahami budaya dan adat sesuatu kaum. Seseorang individu yang berkemahiran berbahasa diukur bukan sahaja melalui kemampuannya bertutur secara bahasa lisan, bahkan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan sistem bahasa tersebut. Mampu menggunakan bahasa itu secara spontan sesuai dengan peraturan penggunaan bahasa tersebut. Dalam konteks ini peraturan bahasa ini dikenali sebagai tatabahasa (Zaliza Mohd Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said, & Norizan Che Su, 2017).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pandemik yang berlaku telah merubah sistem pendidikan di negara ini. Pertukaran dari kaedah bersemuka ke PdPDT telah memberi impak yang besar. Semua pengajar diarahkan untuk menjalankan kuliah secara dalam talian keseluruhannya. Walaupun bukan semua golongan pengajar yang mampu dan mahir dalam bidang teknologi, namun mereka perlu menghadapi cabaran ini untuk memastikan kesemua pelajar dapat menerima ilmu yang disampaikan. Permasalahannya ialah para pengajar tidak diberikan panduan awal untuk menyediakan pendekatan pengajaran dalam talian secara efektif bagi menggantikan dan menyokong pengajaran dalam bilik kuliah. Tiada gambaran terperinci bagaimana kaedah PdPDT yang berkesan mampu menjayakan dan merealisasikan hasil pembelajaran pelajar. Permasalahan lain juga, semasa kaedah bersemuka di bilik kuliah pelajar akan sentiasa diselia terus oleh guru dan dipantau ketika menyiapkan tugas dan aktiviti belajar. Namun, pelajar lebih fokus kepada pembelajaran sendiri yang memerlukan motivasi, disiplin dan usaha yang tinggi dalam menjalani proses PdPDT. Lebih-lebih lagi dalam mempelajari bahasa Arab terutama dalam topik berkait tatabahasa Arab. Ini kerana, ilmu sistem tatabahasa Arab adalah sangat rumit dan berbeza dibandingkan dengan bahasa Melayu dan memerlukan kepada bantuan dan bimbingan untuk memahaminya. Tambahan pula pelajar terpaksa mempelajari bahasa Arab dalam situasi

pandemik yang memerlukan pelajar Rekabentuk kaedah penyampaian PdPDT juga perlu sentiasa ditambahbaik dan merupakan salah satu faktor penting dalam mendorong meningkatkan motivasi belajar seterusnya mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih efektif (Fenny Lau, Kee, Khoo, & Lee , 2021).

## 1.2 Persoalan Kajian

Persoalan yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah:

1. Sejauhmanakah tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL?
2. Apakah kesalahan-kesalahan tatabahasa Arab yang sering dilakukan oleh pelajar UMSKAL?

## 1.3 Objektif Kajian

Secara umum objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL sepanjang mengikuti sesi kuliah KBA secara dalam talian. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif khusus ditetapkan dalam penulisan kajian ini iaitu:

1. Mengenalpasti tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL.
2. Meneliti kesalahan-kesalahan tatabahasa Arab yang sering dilakukan oleh pelajar UMSKAL.

## 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian tentang tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar ini wajar dilaksanakan kerana hasil daripada kajian ini dapat menjelaskan jenis kesalahan-kesalahan tatabahasa Arab yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar UMSKAL. Dengan demikian, kajian ini dapat membantu para pengajar terutamanya guru-guru bahasa Arab dalam merancang strategi pengajaran Bahasa Arab yang lebih baik dan berkesan. Mengenalpasti kesalahan-kesalahan pelajar merupakan satu unsur penting dalam proses PdPDT dan dijadikan sebagai pengumpulan maklum balas pelajar secara tidak langsung. Dapatan analisis kajian ini dapat dijadikan sebagai dasar kepada guru untuk merangka strategi pendekatan dan teknik pengajaran serta menetapkan bentuk-bentuk latihan yang sesuai mengikut tahap penguasaan pelajar. Selain itu juga, maklumbalas dan perbincangan antara pelajar dan guru berkaitan kesalahan tatabahasa Arab dapat mengurangkan pengulangan kesilapan yang sama berlaku seterusnya meningkatkan prestasi markah pelajar di dalam peperiksaan. Kajian ini juga dapat membantu dan memberi idea tambahan kepada para penyelidik yang berminat dengan topik tatabahasa Arab khususnya ke atas pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing.

## 2. Kajian Lepas

Menguasai kemahiran berbahasa bukanlah hanya tertumpu pada kecemerlangan dalam kemampuan bertutur sahaja, malah aspek pengetahuan penggunaan tatabahasa juga perlu dititiberatkan dan diberi perhatian. Tambahan lagi terhadap golongan penuntut yang perlu melalui proses penilaian ujian dalam menentukan tahap penguasaan mereka dalam mempelajari sesuatu bahasa tersebut. Menurut Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, & Nor Hazrul Mohd Salleh (2017) tatabahasa Arab memainkan peranan penting dalam menjelaskan ketepatan maksud ayat. Begitu juga perkaitan tatabahasa Arab dengan ‘irāb yang boleh menyebabkan kesalahan maksud ayat

apabila berubahnya baris perkataan dalam sesuatu ayat. Dalam kajian Siti Nabilah Misnan, Siti Syarwani Ghazali (2019) yang dijalankan terhadap pelajar 15 pelajar Diploma Pengajian Muallamat menunjukkan bahawa tahap penguasaan tatabahasa pelajar masih berada pada tahap lemah. Kesalahan tertinggi yang dilakukan pelajar adalah pada pemilihan Mufradāt (kosa kata) yang mencatat sebanyak 29.3%.

Berdasarkan kajian Azlan Saiful Baharum & Rosni Samah (2015) mengatakan bahawa pihak responden bersetuju kesalahan tertinggi yang dilakukan pelajar adalah dari aspek kesalahan sintaksis berbanding kesalahan lain. Ini jelas terlihat daripada hasil dapatan kajian mereka yang menyatakan min pada kesalahan sintaksis adalah mencapai 3.87 berbanding morfologi 3.84, leksikal 3.74 dan ortografi 3.71. Faktor utama yang mendorong perkara ini berlaku adalah kerana kurangnya membuat latihan esei dan kurang memahami kaedah Naḥu dan Ṣarf.

Permasalahan berkaitan kelemahan penguasaan tatabahasa Arab bukanlah hanya berlaku dalam kalangan pelajar yang sifar pengetahuan berkaitan bahasa tersebut, malah ianya juga turut berlaku dalam kalangan pelajar aliran agama. Ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Nuraznan Jaafar, Mohd Zahimie Mohd Dzahid, Noor Adawiyah Ahmad Radzi & Akmarina Mohd Salwai (2019) terhadap pelajar Madrasah Tahfiz sekitar Melaka menunjukkan tahap penguasaan tatabahasa Arab mereka berada pada tahap sederhana dengan min 12.53.

Kesilapan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar ini berfaktor daripada perbezaan jurang yang besar antara bahasa ibunda mereka dengan bahasa Arab. Ini kerana sistem tatabahasa Arab adalah berbeza dengan bahasa Melayu misalnya. Menurut Toto Suharto (2017) dalam kajian Sulaiman Ismail, Yuslina Mohamed, Zainur Rijal Abd Razak, Mohamed Hj Ibrahim & Zulkipli Isa (2021) mendapati bentuk kesalahan tersebut merangkumi kesalahan penggunaan Ism Ishārah, Na'at Man'ūt, Jawāb Sharāt, Khabar dan Na'ib Fā'il. Sumber kesilapan itu adalah berpunca daripada kekurangan ilmu pengetahuan atau hasil daripada pembentukan bahasa yang tidak lengkap.

### **3. Metodologi Kajian**

Penyelidikan ini telah menggabungkan antara pendekatan kuantitatif yang menggunakan instrumen ujian untuk mendapatkan data dan pendekatan kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar dari Fakulti Kewangan Antarabangsa dan Fakulti Komputeran Informatik yang mendaftar KBA Tahap III di UMSKAL. Sampel kajian terdiri daripada 42 pelajar yang mendaftar KBA pada semester semasa. Para pelajar perlu melengkapkan ketiga-tiga tahap untuk membolehkan mereka lulus bergraduasi. Pelajar akan menduduki kursus ini sepanjang 14 minggu dengan kekerapan pembelajaran sekali seminggu selama tiga jam. Kesemua pelajar ini berdaftar di dalam dua seksyen iaitu 101 dan 102 yang menyenaraikan jumlah bilangan pelajar seramai 21 dan 21 orang setiap seksyen tersebut. Maklumat sampel kajian ini ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah.

**Jadual 1: Analisis Deskriptif Demografi Sampel Kajian**

Maklumat Demografi			Frekuensi	Peratus%
Jantina	Lelaki		25	59.5
	Perempuan		17	40.4
Fakulti	FKAL		35	83.3
	FKI		7	16.6
Seksyen	101		21	50
	102		21	50
Latarbelakang Pengetahuan Asas Bahasa Arab	Beragama Islam		17	40.4
	Bukan Beragama Islam		25	59.5
Skor Gred Penilaian KBA	Lulus Cemerlang		18	42.8
	Lulus Kepujian		19	45.2
	Lulus		5	11.9

Komponen penilaian keseluruhan KBA dibahagikan kepada 4 penilaian utama iaitu Ujian Lisan 30%, Kerja Kursus 30%, Penilaian Komunikasi Bertulis I (PKB I) 20% dan Penilaian Komunikasi Bertulis II (PKB II) 30%. Bagi mencapai status lulus, pelajar haruslah mencapai skor sekurang-kurangnya 35 markah untuk melayakkan mereka meneruskan ke tahap seterusnya. Soalan ujian PKB tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (Kefahaman), Bahagian B (Tatabahasa) dan Bahagian C (Penulisan). Kesemua bentuk soalan ini adalah berdasarkan buku modul yang digunakan dalam PnP kursus iaitu Buku Asas Bahasa Arab 3 hasil penulisan Saini Ag. Damit dan Mohammad Seman (2020). Bagi mengukur tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar, penulis memfokuskan soalan-soalan ujian di Bahagian B sahaja. Kesemua soalan adalah merujuk kepada *course learning outcome* (CLO) yang digariskan berdasarkan piawai Taksonomi Bloom yang merangkumi enam aras kognitif bagi menguji kualiti dan aras soalan (Aqilah Huddin, W.M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain, Hafizah Husain, & Nor Fadzilah Abdullah, 2014). Terdapat sebanyak 30 soalan tatabahasa telah dikemukakan di kesemua Bahagian B dalam penilaian itu. Soalan-soalan tersebut didatangkan dalam bentuk subjektif berstruktur dan pelajar dikehendaki memberikan jawapan yang betul dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Kaedah ujian PKB ini dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Smartv3UMS (*Learning Management System*). Arahan soalan dan senarai topik tatabahasa Arab yang dinilai melalui ujian PKB tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Arahan dan Senarai Topik Tatatabahasa Arab (TA)**

Kod	Topik	Arahan Soalan	Bilangan
TA1	ياء النسبة (Ya' al-Nisbah)	استبدل مع التغيير ما يلزم كما في المثال.	4 soalan
TA2	الإضافة (Al-Idāfah)	كون جملة مفيدة بكون الكلمات الآتية مضافاً ومغيراً ما يلزم كما في المثال.	4 Soalan
TA3	الظرف (Al-Zarf)	استخرج الظرف من الجمل الآتية كما في المثال.	6 soalan
TA4	أسلوب النفي (Uslūb al-Nafy)	حول الجمل الآتية إلى أسلوب النفي ومغيراً ما يلزم كما في المثال.	6 soalan
TA5	اسم التفضيل (Kata Nama Tafḍih)	حول الكلمات بين القوسين إلى اسم التفضيل ثم كون جملاً مفيدةً منها.	5 soalan
TA6	الاستثناء (Uslub Pengecualian)	اختر الإجابة الصحيحة.	5 soalan

Berdasarkan jadual 2, terdapat sebanyak 6 topik tatabahasa yang dikemukakan dalam ujian PKB I dan II. Topik dan arahan soalan ujian adalah seperti berikut iaitu; TA1 (Ya' al-Nisbah): Ganti dan ubah mana yang perlu seperti dalam contoh, TA2 (Al-Idāfah): Bina ayat lengkap dengan menjadikan perkataan-perkataan berikut sebagai Muḍāf beserta ubah apa yang perlu seperti dalam contoh, TA3 (Al-Zarf): Keluarkan zarf daripada ayat-ayat berikut seperti dalam contoh, TA4 (Uslūb al-Nafy): Tukar ayat-ayat berikut kepada Uslūb al-Nafy beserta ubah apa yang perlu seperti dalam contoh, TA5 (Kata Nama Tafdhil): Tukar perkataan dalam kurungan kepada Ism al-Tafdhil dan bina ayat menggunakan perkataan tersebut dan TA6 (Uslub Pengecualian): Pilih jawapan yang betul.

Tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar diukur melalui keputusan markah PKB I dan II (Bahagian B) dan dikelaskan mengikut standard Sistem Purata Nilai Gred universiti. Setelah itu, data dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan. Nilai gred ini dikategorikan kepada 4 bahagian iaitu Lulus Cemerlang bagi gred A- dan A untuk perolehan markah dari 75 hingga 100, Lulus Kepujian bagi gred B-, B dan B+ untuk perolehan markah dari 60 hingga 74, Lulus bagi gred D, D+, C-, C, C+ untuk perolehan markah dari 35 hingga 59 dan Gagal bagi gred E untuk perolehan markah 0 hingga 34.

#### 4. Perbincangan dan Dapatan Kajian


4.1 Soalan kajian 1: Sejauhmanakah tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL?

Tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar-pelajar UMSKAL diukur menggunakan Sistem Nilai Gred Purata yang merupakan satu mekanisme untuk menilai pengetahuan pelajar di peringkat universiti. Analisis kajian mendapati tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pelajar adalah seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 3: Tahap Penguasaan Asas TA**

Markah (n/30)	Kekerapan (n)	Peratus (100%)	Tahap
23-30	6	14.3%	Tinggi
18-22	10	23.8%	Sederhana
11-17	17	40.5%	Lemah
0-10	9	21.4%	Sangat Lemah

**Rajah 1: Graf Taburan Tahap Penguasaan Asas TA Pelajar**



Jadual 3 dan graf bar di atas menunjukkan bilangan soalan ujian terdiri daripada 30 soalan berkaitan asas tatabahasa Arab. Dapatan kajian mendapati seramai 6 pelajar telah mendapat skor dari kumpulan markah 23-30 bersamaan 14.3% iaitu berada pada tahap tinggi. Seramai 10 pelajar pula telah mendapat skor dari kumpulan markah 18-22 bersamaan 23.8% yang berada pada tahap yang sederhana. Manakala seramai 17 pelajar telah mendapat skor dari kumpulan markah 11-17 bersamaan 40.5% berada pada tahap lemah dan seramai 9 pelajar telah mendapat skor dari 0-10 markah bersamaan 21.4% yang berada pada tahap sangat lemah. Perincian keputusan pelajar mengikut topik tatabahasa Arab adalah seperti berikut:

**Jadual 4: Tahap Penguasaan Asas TA Mengikut Topik**

n	Ujian Asas Tatabahasa Arab						Tahap Penguasaan
	TA1 (4 soalan)	TA2 (4 soalan)	TA3 (6 soalan)	TA4 (6 soalan)	TA5 (5 soalan)	TA6 (5 soalan)	
1	0/4	1/4	3/6	0/6	0/5	2/5	6/30 (sangat lemah)
2	0/4	0/4	5/6	6/6	5/5	2/5	18/30 (sederhana)
3	0/4	0/4	6/6	0/6	4/5	3/5	13/30 (lemah)
4	0/4	2/4	3/6	1/6	5/5	5/5	16/30 (lemah)
5	0/4	0/4	2/6	3/6	5/5	5/5	15/30 (lemah)
6	0/4	0/4	4/6	0/6	0/5	1/5	5/30 (sangat lemah)
7	0/4	0/4	3/6	0/6	3/5	2/5	8/30 (sangat lemah)
8	0/4	0/4	2/6	0/6	0/5	4/5	6/30 (sangat lemah)
9	3/4	0/4	6/6	0/6	5/5	5/5	19/30 (sederhana)
10	3/4	0/4	6/6	6/6	5/5	5/5	25/30 (tinggi)
11	0/4	0/4	3/6	0/6	5/5	3/5	11/30 (lemah)
12	4/4	4/4	6/6	6/6	5/5	5/5	30/30 (tinggi)
13	0/4	4/4	6/6	0/6	4/5	1/5	15/30 (lemah)
14	0/4	4/4	6/6	6/6	5/5	5/5	26/30 (tinggi)
15	0/4	2/4	5/6	0/6	5/5	4/5	16/30 (lemah)
16	0/4	0/4	5/6	5/6	5/5	5/5	20/30 (sederhana)



17	3/4	0/4	6/6	1/6	1/5	1/5	12/30 (lemah)
18	1/4	0/4	6/6	3/6	5/5	4/5	19/30 (sederhana)
19	0/4	1/4	2/6	0/6	5/5	5/5	13/30 (lemah)
20	4/4	1/4	6/6	5/6	5/5	5/5	26/30 (tinggi)
21	0/4	0/4	4/6	0/6	5/5	3/5	12/30 (lemah)
22	0/4	1/4	4/6	0/6	0/5	1/5	6/30 (sangat lemah)
23	0/4	2/4	5/6	5/6	5/5	4/5	21/30 (sederhana)
24	0/4	0/4	2/6	0/6	1/5	1/5	4/30 (sangat lemah)
25	0/4	0/4	4/6	3/6	4/5	4/5	15/30 (lemah)
26	0/4	0/4	6/6	0/6	5/5	5/5	16/30 (lemah)
27	0/4	0/4	0/6	0/6	5/5	2/5	7/30 (sangat lemah)
28	1/4	0/4	5/6	0/6	3/5	1/5	10/30 (sangat lemah)
29	0/4	0/4	5/6	6/6	4/5	3/5	18/30 (sederhana)
30	1/4	3/4	6/6	5/6	5/5	5/5	25/30 (tinggi)
31	0/4	0/4	4/6	0/6	0/5	2/5	6/30 (sangat lemah)
32	1/4	0/4	5/6	6/6	5/5	1/5	18/30 (sederhana)
33	1/4	2/4	5/6	0/6	4/5	0/5	12/30 (lemah)
34	1/4	0/4	6/6	0/6	5/5	5/5	17/30 (lemah)
35	0/4	0/4	4/6	3/6	0/5	5/5	12/30 (lemah)
36	0/4	2/4	6/6	3/6	4/5	4/5	19/30 (sederhana)
37	0/4	2/4	6/6	4/6	5/5	2/5	19/30 (sederhana)
38	0/4	2/4	5/6	6/6	5/5	5/5	23/30 (tinggi)
39	0/4	0/4	6/6	0/6	5/5	5/5	16/30 (lemah)
40	0/4	0/4	6/6	0/6	5/5	1/5	12/30 (lemah)
41	1/4	0/4	5/6	6/6	5/5	5/5	22/30 (sederhana)
42	1/4	2/4	6/6	6/6	5/5	4/5	24/30 (tinggi)

Jadual 4 di atas telah menunjukkan bahawa n(12) telah mendapat skor penuh iaitu 30 markah, manakala n(24) telah mendapat markah yang paling rendah iaitu 4 markah sahaja. Kebanyakan pelajar lemah dalam menjawab soalan dibawah 3 topik berikut dengan mendapat markah sifar iaitu pada TA1 seramai 29 pelajar bersamaan 69%, TA2 iaitu seramai 28 pelajar bersamaan 66.6% dan TA4 seramai 21 pelajar bersamaan 50%.

Keputusan di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL masih berada di tahap lemah dan perlu dipertingkatkan lagi. Walaupun pencapaian pelajar bagi Kursus Bahasa Arab secara umumnya adalah baik, namun penguasaan pada topik tatabahasa Arab masih perlu diberikan perhatian.

4.2 Soalan kajian 2: Apakah kesalahan-kesalahan tatabahasa Arab yang sering dilakukan oleh pelajar UMSKAL?

Kesalahan TA1 (Yā' al-Nisbah: Penggunaan Mansūb (منسوب): سميرة وناتاشا هما الطالبتان الفرنسي، kesalahan penggunaan Mansūb dalam ayat dari sudut bilangan dan jantina mengikut ism sebelumnya atau juga dinamakan sebagai Mawsūf. Ini kerana hukum i'rāb bagi al-Şiffah perlulah mengikut Mawsūfnya. Ayat yang betul adalah سميرة وناتاشا هما الطالبتان الفرنسيتان iaitu dengan menyelarikan hukum al-Şiffah dan Mawsūf dalam keadaan Muthanna Muannath (duaan feminin). Kesalahan lain adalah pada ayat هم مغربي أصليون iaitu pada penggunaan

Mansūb sebagai Khabar (predikat) dalam ayat yang perlu mengikut keadaan Muḩtada' (subjek). Ayat yang betul adalah هم مغربيون أصليون iaitu dengan menyelarikan hukum Muḩtada' dan Khabar dalam keadaan Jama' Muzakkar.

Kesalahan TA2 (Al-idāfah): Kesalahan penggunaan Muḩḩāf dalam ayat اشتريت حقيبتين المدرسة iaitu tidak membuang nun. Ayat yang betul adalah اشتريت حقيبتى المدرسة iaitu Muḩḩāf perlu dibuang nun dalam keadaan Muthanna sebelum disandarkan pada Muḩḩāf ilaih. Begitu juga ayat ini هم شرطيون الوطن iaitu perlu dibuangkan huruf nun pada perkataan Muḩḩāf dalam keadaan Jama' Muzakkar Sālim. Ayat yang betul haruslah ditulis هم شرطيو الوطن. Kesalahan lain pada al-Idāfah adalah tidak membuang ال pada perkataan Muḩḩāf. Seperti ayat سارة العميد الكلية iaitu perkataan عميد merupakan Muḩḩāf dalam ayat dan perlu dibuang ال ketika disandarkan pada Muḩḩāf ilaih dan perlu didatangkan dalam Muannath. Ayat yang betul adalah سارة عميدة الكلية.

Kesalahan TA3 (Al-Zarf): Kesalahan memilih Zarf yang sesuai untuk digunakan dalam ayat misalnya تعيش الأرناب في حجور جانب الأرض. Ayat yang betul adalah menggunakan Zarf تحت iaitu تعيش الأرناب في حجور تحت الأرض. Selain itu juga, pelajar masih tidak mampu menentukan perkataan Zarf itu sendiri apabila diminta untuk mengeluarkan Zarf dalam ayat yang diberikan. Contohnya, عيد في منزل زميلاتي يوم عيد الفطر dan bukannya عيد.

Kesalahan TA4 (Uslūb Al.-Nafy): Kesalahan dalam penggunaan Fi'il Muḩḩari' yang datang selepas Lā' Nafiyah bersesuaian dengan subjek ayat. Contohnya penggunaan perkataan Muḩḩari' pada ayat الفانزون لا ينالون النجاح إلا بالاجتهاد. Ini kerana untuk Muḩḩari' pada ayat Nafy tidak perlu majzum (tidak perlu dibuang nun). Ayat yang betul adalah الفانزون لا ينالون النجاح إلا بالاجتهاد. Antara kesalahan lain yang dilakukan pelajar bagi topik TA4 adalah kekeliruan untuk meletakkan Lā' Nafiyah dalam ayat setelah diminta untuk tukarkan ayat Ithbāt kepada ayat Nafy. Misalnya kesalahan pada ayat لا يكتب باسم الدرس iaitu perkataan Lā' Nafiyah perlulah diletakkan di depan Muḩḩari' لا يكتب باسم الدرس.

Kesalahan TA5 (Kata Nama Tafḩhil): Kesalahan adalah pada pertukaran kata sifat menjadi Ism Tafḩhil mengikut wazan أفعل. Contoh pada ayat الخمس أكثر من الثلاث iaitu perkataan أكثر ditukar menjadi Ism Tafḩhil perlulah mengikut wazannya iaitu أكثر. Ayat yang betul adalah الخمس أكثر من الثلاث.

Kesalahan TA6 (Uslub Pengecualian): Kesalahan dalam menentukan Mustathnā yang betul mengikut Mustathnā Minhu yang diberikan. Contoh kesalahan adalah pada ayat حضر الطلاب إلى الفصل إلا معلما. Ini kerana perkataan Mustathnā perlulah mengikut kelompok yang sama dengan perkataan Mustathnā Minhu. Maka jawapan yang betul adalah حضر الطلاب إلى الفصل إلا طالبا.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, penguasaan tatabahasa Arab dapat mempengaruhi kemahiran menulis pelajar dan juga penggunaan bahasa itu sendiri dalam komunikasi. Kelemahan dalam menguasai tatabahasa Arab mampu mempamerkan kelemahan individu dalam berbahasa. Melalui penemuan hasil kajian ini dapat memberikan gambaran kepada pengajar pada bahagian-bahagian yang perlu diberikan lebih penekanan agar dapat membantu para pelajar untuk mencapai penguasaan terhadap bahasa Arab dengan lebih baik. Selain itu juga, penyelidikan

berkaitan PdPDT itu sendiri perlu diperhalusi untuk menyuaikan tahap pelajar dengan cara penyampaian melalui atas talian khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab. Dicadangkan juga kepada para pengajar untuk mempelbagaikan teknik pengajaran yang boleh menarik minat pelajar. Hasil daripada kajian ini dapat membantu pengajar bahasa dalam mengatur strategi pengajaran seterusnya menambahbaik teknik mengajar atas talian pada masa hadapan bagi mengurangkan dan mengatasi kesilapan dan kesalahan yang sama berulang.

## Rujukan

- Aqilah Huddin, W.M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain, Hafizah Husain, & Nor Fadzilah Abdullah. (2014). *Kesesuaian Tahap dan Menjamin Keberkesanan Outcome Kursus*. Retrieved from Academia.edu: file:///C:/Users/siti%20nurul%20aishah/Downloads/PERLAKSANAAN\_PENGGUN AAN\_TAKSONOMI\_BLOOM.pdf
- Azlan Shaiful Baharum, & Rosni Samah. (2015, Jun 30). *Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi*. Retrieved from Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Sains Humanika: <https://doi.org/10.11113/sh.v6n1.595>
- Fenny Lau, Y. F., Kee, G. F., Khoo, P. L., & Lee, H. S. (2021, April 30). Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan. Bangi, Selangor, Malaysia.
- Nurazanan Jaafar, Mohd Zahimie Mohd Dzahid, Noor Adawiyah Ahmad Radzi, & Akmarina Mohd Salwai. (2019). Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab dan Tatabahasa Arab dalam kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Fakulti Bahasa dan Pendidikan Kolej Universiti Islam Melaka*, 53-62.
- Saini Ag Damit, & Mohammad Seman. (2020). *Asas Bahasa Arab 3*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Balqis Mahlan, & Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Creative and Innovative Teaching Practices During COVID-19 Movement Control Order*, 14-22.
- Siti Nabilah Misnan, & Siti Syarwani Ghazali. (2019). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar dalam Pembelajaran Asas Bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019* (pp. 86-97). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Sulaiman Ismail, Yuslina Mohamed, Zainur Rijal Abd Razak, Mohamed Hj Ibrahim, & Zulkipli Isa. (2021). Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 27-36.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, & Nor Hazrul Mohd Salleh. (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*, 23-41.
- Zainudin Abu Bakar, & Nor Hisham Muhamad Nor. (2011). Pendekatan Pengajaran Guru Dan Kesannya Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 106-118.

Zaliza Mohd Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said, & Norizan Che Su. (2017). Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 84-90.